

Nama:

Kelas:

Tarikh:

PT3 Praktis 7: Pelbagai Frasa

Buku Teks: m.s. 107, 207

Bahagian A

Bahagian yang *bergaris* dalam ayat-ayat yang berikut *mungkin* mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau *mungkin* juga *tidak*. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika *tidak* kesalahan.

- | | |
|--|--|
| <p>1 <u>Manis-manis</u> <u>sungguh</u> <u>buah-buah</u> <u>mempelam</u> <u>madu</u> yang <u>dibeli</u> oleh ayah di <u>pasar</u> <u>tani</u>.</p> <p>A Manis buah-buah sungguh
 B Manis-manis buah-buah
 C Manis-manis sungguh buah
 D Manis-manis sungguh buah-buah</p> | <p>3 Persembahan kumpulan muzik itu adalah <u>yang</u> <u>paling</u> <u>terburuk</u> <u>sekali</u> dalam pertandingan ini.</p> <p>A yang terburuk
 B yang terburuk sekali
 C yang paling terburuk
 D yang paling terburuk sekali</p> |
| <p>2 Syarikat itu akan <u>memperluaskan</u> <u>lagi</u> <u>pasaran</u> <u>produk-produknya</u> di Timur Tengah.</p> <p>A memperluaskan pasaran
 B memperluas pasaran
 C meluaskan lagi pasaran
 D memperluaskan lagi pasaran</p> | <p>4 Pemeriksaan enjin kenderaan ini dibuat dengan <u>berdasarkan</u> <u>kepada</u> <u>panduan</u> dalam buku manual tersebut.</p> <p>A berdasarkan panduan
 B berdasar dengan panduan
 C berdasarkan pada panduan
 D berdasarkan kepada panduan</p> |

Bahagian B

A. Tentukan *jenis frasa* yang digariskan dalam ayat-ayat di bawah ini.

- (i) Permukaan lantai bilik itu sangat licin.

- (ii) Gadis yang berbaju kurung biru itu adik saya.

- (iii) Jessica sedang membaca buku di perpustakaan.

B. Dalam setiap di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Baju labuh kebaya itu dipakai oleh kakak semasa hari pertunangannya.

- (ii) Kursus itu diadakan demi untuk meningkatkan prestasi para pekerja di syarikat penerbitan itu.

- (iii) Pegawai Perhubungan Sekolah mengingatkan akan murid-murid agar terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan di setiap sekolah bagi mengelakkan penyebaran virus COVID-19.
